

Guna istilah selesema babi ganti H1N1 – Rais



KUALA LUMPUR – Menteri Pengerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim semalam mencadangkan supaya semua pengamal media kembali menggunakan istilah selesema babi bagi menggantikan istilah influenza A (H1N1) yang digunakan sekarang.

Rais berkata, syor itu dibuat bagi memastikan orang ramai sedar akan bahaya selesema itu dan mesej mengenainya dapat disampaikan dengan lebih tepat kepada mereka.

“Bila dalam Bahasa Melayu pula ada juruhebah yang enggan nak sebut H1N1, jadi kalau selesema babi, kan senang,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan rasmi ke Pos Malaysia di sini.

Beliau menambah, kementerian akan memantau program-program yang menyiarkan iklan-iklan yang berkaitan dengan kesihatan agar tiada kekeliruan mengenai ketepatan mesej serta kefahaman orang ramai mengenai selesema babi.

“Hal yang berkaitan dengan kesihatan kita tidak harus campur aduk dengan gara-gara atau cara-cara iklan yang mengelirukan. Kami akan pantau iklan yang disiarkan di televisyen dan melihatnya dari sudut ketepatan mesej serta fahaman orang,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Bahasa, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Arbaie Sujud ketika mengulas cadangan tersebut berkata, penggunaan semula istilah ‘selesema babi’ dapat menimbulkan kegerunan masyarakat terhadap wabak tersebut berbanding istilah H1N1.

“Istilah itu agak saintifik dan mungkin kurang menimbulkan perasaan takut di kalangan masyarakat sehingga menyebabkan mereka kurang mengambil berat akan bahaya dan risiko mengenainya sehingga menyebabkan wabak itu terus berleluasa.

“Lagi pun salah satu punca wabak itu sememangnya daripada babi, ia



PENGETUA Sekolah Menengah Kebangsaan Wangsa Maju Seksyen 2, Kuala Lumpur, Rokiah Yaacob memberi penerangan kepada pelajar-pelajarnya berhubung penularan H1N1 di sekolah itu kelmarin.

Guna istilah influenza A



KERATAN Kosmo! 2 Mei 2009.

sama seperti penggunaan istilah ‘selesema burung’ sebelum ini kerana ia disebarkan oleh burung,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Tambah Arbaie, masyarakat perlu berfikiran positif dan tidak menjadikan istilah ‘selesema babi’ sebagai satu isu yang haru dipandang dalam sudut budaya atau melibatkan sensitiviti sesuatu kaum di negara ini.

Tokoh bahasa, Prof. Datuk Dr. Nik Safiah Karim pula memberitahu, beliau bersetuju dengan istilah ‘selesema babi’ kerana mesej yang disampaikan lebih jelas dan tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat.

“Sebelum ini pun kita menyebut perkataan ‘H1N1’ di dalam Bahasa Inggeris bukannya di dalam Bahasa Melayu. Adalah wajar istilah itu diubah bagi mengelakkan penggunaan istilah ‘bahasa rojak’ apatah lagi ia digunakan begitu meluas dalam semua media massa negara ini,” katanya.

Info Kes H1N1

- ❑ Universiti Malaya (UM) memantau penularan virus influenza A (H1N1) di kampusnya yang menempatkan lebih daripada 27,000 pelajar, termasuk 3,000 pelajar antarabangsa.
- ❑ Pekerja yang disyaki dijangkiti virus H1N1 berhak menerima gaji harian penuh jika mereka diberikan cuti sakit oleh doktor.
- ❑ Sekolah-sekolah di Lembah Klang yang mempunyai pendingin hawa di dalam kelas dicadang menghentikan penggunaannya.
- ❑ Semua pelajar dari empat buah sekolah yang diarah ditutup ekoran penularan H1N1 diminta menjalani pemeriksaan suhu badan sebaik sahaja kembali ke sekolah masing-masing.
- ❑ Kementerian Kesihatan membekukan serta-merta cuti kira-kira 100,000 penjawat awam bagi membolehkan penularan H1N1 yang semakin kritikal dikawal.
- ❑ Kementerian Pengajian Tinggi menyerahkan sepenuhnya kepada kebijaksanaan kepimpinan naib canselor atau presiden institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) untuk menilai tahap risiko H1N1 sebelum sebarang keputusan membenarkan pelajarannya ke luar negara.
- ❑ Persatuan Ulama Malaysia (PUM) meminta masyarakat Islam dalam negara dan seluruh dunia mengadakan solat hajat serta doa tolak bala.